

# Khidmat masyarakat PPIB, UMS di Bundu Tuhan capai matlamat

UB 4.9.2013 B3

Oleh HENRY BATING  
hbating@gmail.com

**KHIDMAT** masyarakat 23 staf akademik dan sokongan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Bundu Tuhan, Ranau berjaya menjalinkan hubungan kerjasama dengan penduduk dalam

mencapai misi serampang dua mata iaitu beramal dan menjalankan penyelidikan.

Program 23-25 Ogos itu melibatkan penyelidikan kemasyarakatan dan akan dilaksanakan dalam jangkamasa setahun.

Penyelidikan merangkumi pelbagai aspek seperti asal-usul dan demografi

perkampungan itu, mitos dan lagenda, media, pendidikan, kepimpinan, biodiversiti dan potensi pelancongan yang bakal diterbitkan dalam bentuk buku. Melalui program itu, diharapkan dapat membantu mengekalkan kekayaan warisan budaya dan komuniti Bundu Tuhan.

Program dimulakan

dengan dialog bersama pemimpin kampung yang juga merupakan pemegang amanah perkampungan beserta penduduk dan kalangan pelajar yang menyertai program itu.

Dalam dialog itu dijelaskan tentang keunikan dan kemampuan pemegang amanah dalam memimpin penduduk memelihara hal ehwal perkampungan. Contohnya, pada tahun 2011 Kg Bundu Tuhan menerima anugerah khas menteri bersempena Anugerah Alam Sekitar. Penganugerahan itu merupakan penghargaan terhadap usaha penduduk memelihara Hutan Simpan Winokok.

Pada hari kedua, rombongan mengadakan motivasi persediaan di ambang peperiksaan bersama pelajar SMK Bundu Tuhan yang akan menduduki SPM tahun itu. Aktiviti yang berlangsung empat hari itu bertujuan mendorong kalangan pelajar supaya lebih bersemangat menghadapi peperiksaan yang penting itu.



ACARA kemuncak penanaman pokok di halaman Dewan Kg Bundu Tuhan.

Rombongan juga menjalankan kerja amal di surau Kg Bundu Tuhan dan Rumah Kanak-Kanak Don Bosco melalui gotong royong dan menyerahkan sumbangan. Kemuncak program ialah upacara penanaman pokok di halaman Dewan Kg Bundu Tuhan dengan aktiviti terakhir, demonstrasi membuat baja bebas kimia

oleh Didier Maraval dari Perancis.

Aktiviti lain bersama penduduk kampung turut diadakan seperti pertandingan dart di mana malam perasmian disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kundasang, Datuk Dr Joachim Gunsalam.

Khidmat masyarakat di bawah naungan Dekan

PPIB, Prof Dr Vincent Pang itu mendapat sokongan dana dari Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi merangkap Ahli Parlimen Ranau, Datuk Dr Ewon Ebin, Joachim dan Persatuan Graduan Bundu Tuhan di bawah pimpinan Dr Justin Sentian. Rombongan PPIB diketuai Prof Madya Dr Andreas Totu.



SEBAHAGIAN warga Rumah Kanak-kanak Don Bosco, Bundu Tuhan.